

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 (14)

Tarikh : 30 Jun 2016

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 1/2016

AUDIT KEPADA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) YANG MENAWARKAN SEBAHAGIAN ATAU SEPENUHNYA PROGRAM DI LUAR NEGARA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Malaysia yang menawarkan sebahagian atau sepenuhnya program di luar negara perlu menjalani **Audit Pematuhan MQA** di premis cawangan tersebut bagi dua situasi berikut:

- i. Penawaran sebahagian atau sepenuhnya komponen kurikulum di kampus *offshore* PPT yang dibuka di luar negara.
 - ii. Penawaran program secara *Open and Distance Learning* (ODL) yang melibatkan penyediaan pusat wilayah di luar negara.
3. Program yang akan diaudit adalah tertakluk kepada ketetapan seperti di bawah:

a) Umum

- i. PPT perlu menyatakan perancangan untuk melaksanakan program di kampus *offshore* atau pusat wilayah di luar negara semasa membuat permohonan untuk mendapatkan Akreditasi Sementara.
- ii. PPT dikehendaki memaklumkan MQA sejurus bermulanya pelaksanaan program di kampus *offshore* atau pusat wilayah di luar negara.
- iii. PPT harus ambil maklum bahawa fi yang dikenakan adalah berdasarkan fi permohonan yang berkuat kuasa dengan tambahan perbelanjaan lawatan ke luar negara dan mesyuarat penyelarasan sebelum dan selepas lawatan (*pre and post meeting*).

b) Kampus Offshore

- i. Pelaksanaan audit akan memfokus kepada pengendalian program di kampus tersebut sahaja.
- ii. PPT perlu menyediakan maklumat berdasarkan aspek jaminan kualiti yang ditetapkan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*) dengan modifikasi tertentu berdasarkan konteks kampus.

c) Pusat Wilayah Program Open and Distance Learning (ODL)

- i. Pelaksanaan audit adalah sama seperti modus operandi pusat wilayah di Malaysia.
- ii. PPT perlu menyediakan maklumat berdasarkan aspek jaminan kualiti yang ditetapkan dalam COPPA dengan modifikasi tertentu berdasarkan konteks kampus dan perlu mematuhi Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practice for Open and Distance Learning, COP-ODL*)

4. Sehubungan dengan itu, semua PPT yang sedang/akan menjalankan program di Kampus *Offshore* atau Pusat Wilayah Program ODL dikehendaki melengkapkan Borang seperti di Lampiran A dan mengemukakan kepada MQA **pada/sebelum 15 Ogos 2016**. Kegagalan untuk menyediakan maklumat yang tepat boleh menjejaskan status program yang telah diberi Akreditasi Sementara atau Akreditasi.

5. Pelaksanaan Audit Pematuhan terhadap Kampus *Offshore* dan Pusat Wilayah Program ODL **berkuat kuasa bermula daripada 1 Januari 2017**.

6. Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Emel : mrujuhan@mqa.gov.my

s.k.

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR



Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia
Tingkat 14B, Menara PKNS-PJ
No. 17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
(U.P.: Pengarah Kanan Akreditasi)


**PEMBERITAHUAN MENGENAI PROGRAM ATAU KELAYAKAN YANG DIJALANKAN
DI LUAR NEGARA**

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) : _____
Alamat : _____
No. Telefon : _____
No.Faks : _____
E-mel : _____
Pegawai untuk Dihubungi : _____

**Butiran premis di luar negara dan senarai program yang ditawarkan di premis tersebut
adalah seperti di Lampiran A.**

()

KETUA EKSEKUTIF
Tarikh:



BUTIRAN PREMIS DI LUAR NEGARA DAN SENARAI PROGRAM YANG DITAWARKAN

Bil.	Premis dan Alamat	Status (Kampus <i>Offshore</i> atau Pusat Wilayah)	Perakuan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan Premis dan Program	Senarai Program (Tarikh Mula Ditawarkan)	Nombor Akreditasi Sementara/ Perakuan Akreditasi Penuh
1	<p>(Contoh)</p> <p>University of Management 441/21 Dien Bien Phu St Ward 25, Binh Tanh Dist. Ho Chi Minh City Vietnam</p> <p>Website: www.oun.edu.vn</p>	<p>(Contoh)</p> <p>Pusat Wilayah</p>	<p>(Contoh)</p> <p>1. Ministry of Education</p> <p>2. National Accreditation</p>	<p>(Contoh)</p> <p>1. Diploma in Business (1 Julai 2015)</p> <p>2. Bachelor in Business and Administration (1 Januari 2017)</p> <p>3. Master in Business and Administration (1 Januari 2017)</p>	<p>(Contoh)</p> <p>MQA/PA XXX6</p> <p>MQA/FA XXX1</p> <p>MQA/FA XXX3</p>